

# EFIKASI KENDIRI GURU DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB (Teacher's Self Efficacy in Teaching Arabic Language)

Nurulakhma Yahya<sup>1</sup>, Harun Baharudin<sup>1</sup>, Mohd Isa Hamzah<sup>1</sup>

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author's email: [nurulakhmayahya@gmail.com](mailto:nurulakhmayahya@gmail.com)

## Article History:

Submit: 22 February 2017

Accepted: 6 September 2017

Revised: 26 June 2018

Published: 30 June 2018

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 2, No. 1 (2018), 10-17

## Abstrak

Efikasi sendiri guru merupakan kepercayaan dalam diri seseorang terhadap kebolehan diri dalam mengatasi halangan dan masalah terutamanya dalam pengajaran. Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab. Oleh itu, seramai 48 orang guru bahasa Arab yang mengajar di 11 buah sekolah rendah agama dibawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor terpilih sebagai responden kajian. Terdapat tiga aspek efikasi sendiri guru yang dikaji iaitu efikasi dalam aspek strategi pengajaran, aspek pengurusan bilik darjah dan aspek penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhannilai yang diperolehi adalah (min=4.13 dan sp=.039) bagi tahap efikasi sendiri. Hal ini menggambarkan bahawa efikasi sendiri guru dalam aspek strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran berada di tahap tinggi. Kesimpulannya, setiap guru perlu ada efikasi sendiri iaitu keyakinan dalam diri agar setiap apa yang dilaksanakan mendapat hasil yang sangat baik.

**Kata kunci:** Efikasi Kendiri, guru, strategi pengajaran, penglibatan murid dan pengurusan kelas.

## Abstract

*Teachers' self efficacy is belief in one's self towards the ability to overcome obstacles and problems especially in teaching. The main focus of this study is to identify the level of teachers' self efficiency in the implementation of teaching Arabic language. A total of 48 Arabic language teachers teaching in 11 primary religious schools under the supervision of Selangor Islamic Religious Department were selected as respondents. There are three aspects of teachers' self efficiency studied in this research, namely the aspect of efficiency in teaching strategies, classroom management and aspects of students' involvement in teaching and learning. The findings show the value of (mean=4.13 and sd=.039) for the level of self efficacies. This reflects that the teachers' self efficacies of teaching strategies, classroom management and involvement of students in the teaching and learning are at high level. In conclusion, teachers should have self efficiency which is self-confidence in teaching in order to ensure fruitful reward in all efforts implemented.*

**Keywords:** Self-efficacy, teacher, teaching strategy, student's involvement, classroom management.

## 1.0 PENDAHULUAN

Guru adalah seorang insan yang diamanahkan untuk menyampaikan ilmu. Penyampaian ilmu yang baik oleh setiap guru mesti mempunyai keyakinan dan kesungguhan yang tinggi dalam mendidik generasi baru bagi melahirkan insan yang cemerlang didunia dan akhirat. Efikasi sendiri guru bermaksud ukuran keyakinan guru bahawa beliau mempunyai pengaruh ke atas prestasi murid secara keseluruhan, bukan sahaja akademik bahkan pembentukan diri murid (Ashton, 1984). Justeru, keyakinan merupakan efikasi sendiri dalam diri seorang guru.

Bandura (1982), menjelaskan bahawa efikasi sendiri adalah teori yang membicarakan tentang motivasi keyakinan diri. Hal ini kerana efikasi sendiri dapat membantu guru dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang. Selain itu, Bandura (1982), menyatakan bahawa dalam menghadapi persaingan, tahap efikasi sendiri yang tinggi meningkatkan pencapaian individu dan mampu mengawal emosinya dengan baik.

Beberapa kajian mengenai efikasi sendiri dalam pengajaran guru pernah dijalankan, antaranya ialah tahap efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan (Rahimah Jamaluddin *et al.*, 2014),

efikasi sendiri guru Pendidikan Islam (Noornajihan, 2014), efikasi sendiri guru pendidikan jasmani (Syed Kamarzuan, 2014) dan efikasi sendiri guru di Malaysia (Rosnarizah, 2015).

Kajian-kajian efikasi sendiri terhadap pengajaran guru banyak memfokuskan kepada bidang lain berbanding guru bahasa Arab. Guru Pendidikan Islam yang tidak mempunyai opsyen subjek bahasa Arab menyatakan bahawa cabaran utama ialah kesukaran dalam menguasai dan memahami bahasa Arab. Ini menyebabkan mereka tidak bersedia untuk mengajar subjek bahasa Arab (Noor Shamshinar *et. al.*, 2014).

Hal ini kerap terjadi kepada guru pendidikan Islam apabila mereka kerap dianggap boleh mengajar bahasa Arab walaupun bidang mereka bukan bidang bahasa. Justeru, aspek efikasi sendiri juga adalah tidak sama dan aspek ini perlu lebih diterokai secara berasingan dalam kalangan guru bahasa Arab. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat tahap efikasi sendiri guru dalam pengajaran bahasa Arab.

### 1.1 Konsep Efikasi Kendiri

Setiap individu perlu bersandar kepada kepercayaan Efikasi Kendiri untuk memimpin gerak laku dan tindakan sepanjang hidupnya. Ia turut mendorong individu lebih bertenaga, berusaha serta berkemampuan untuk bertahan demi memastikan tugasnya terlaksana (Yusof & Tumairah, 2011).

Tingkah laku individu dalam konteks organisasi amat dipengaruhi oleh interaksi individu dengan persekitaran situasi kerjanya. Semasa menerima tugas, individu akan menyelami orientasi kawalan internal sebagai panduan untuk menetapkan matlamat kerjanya, seterusnya membentuk pelan tindakan untuk memastikannya terlaksana. Individu pada ketika ini akan menyesuaikan tingkah laku dan tindakannya demi mencapai apa yang dihasratkan (Bandura 1977, 1986, 1997). Proses ini dikenali sebagai pembentukan efikasi sendiri.

Bandura (1977) memperkenalkan konsep sendiri dalam teori pembelajaran sosialnya yang berkonsepkan kepada kepercayaan individu untuk melaksanakan tugasnya dengan jaya pada situasi tertentu. Pada masa yang sama prestasi dorongan dan kepercayaan agar tugas itu dapat dilaksanakan pula dipengaruhi oleh kepercayaan individu itu sendiri.

Efikasi sendiri merupakan andaian kesedaran individu terhadap kepercayaan dalamannya dan menjadi penghubung antara pengetahuan individu untuk melakukan sesuatu tugas dengan perkara yang akan dilakukan (Larson *et al.*, 1992). Andaian ini sejajar dengan pendapat Khoo & Tan (2004) yang berpendapat bahawa efikasi atau kepercayaan sendiri akan membentuk harapan sendiri yang berkemungkinan akan mendorong kepada tindakan yang diambil.

Konsep efikasi sendiri bersandarkan kepada andaian bahawa kesedaran terhadap efikasi sendiri menjadi penghubung antara pengetahuan seseorang untuk melakukan sesuatu tugas dengan perkara sebenar yang akan dilakukan (Larson *et al.*, 1992). Semasa proses pelaksanaan suatu tindakan, individu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dikatakan akan mencungkil potensi peribadi yang dimilikinya untuk mencapai harapan yang telah dibentuk sejak awal. Oleh itu, individu yang berefikasi tinggi akan membuat tindakan-tindakan besar dengan komitmen yang berterusan bagi memastikan harapan yang dibentuk menjadi kenyataan. Usaha itulah akan membawa kepada kejayaan yang besar. Kejayaan mencapai matlamat yang dibentuk secara realistik akan meneguhkan efikasi dirinya (Dacey & Kenny, 1997).

Apabila efikasi sendiri tinggi, individu mempunyai keyakinan bahawa dia boleh melakukan tindakan yang memerlukan kawalan pada suatu keadaan yang sukar. Oleh itu, efikasi boleh dianggap sebagai suatu bentuk pengukuran keyakinan (Zalifah, 2014). Menurut Bandura, walaupun tiada seorang yang boleh mempunyai keyakinan tentang semua perkara yang dilakukan, namun setiap orang boleh membina kepercayaan dalam kebolehan untuk melakukan sesuatu perkara atau tindakan tertentu. Kepercayaan yang dibina akan membawa kepada pemerolehan hasil yang diinginkan dalam konteks tertentu. Ini menunjukkan efikasi sendiri juga dianggap sebagai pemangkin antara tindakan individu dengan hasil tindakan (jangkaan hasil).

Selain itu, menurut Allen (1997) pengaruh sendiri bukan sahaja melibatkan aspek usaha individu untuk melakukan suatu tindakan, tetapi juga menentukan kualiti prestasi apabila usaha telah dibuat. Sehubungan itu, Bandura (1989) mencadangkan supaya individu mempunyai kebolehan untuk mengamalkan kawalan ke atas proses pemikiran sendiri, motivasi dan tindakan. Ini disebabkan oleh tingkah laku manusia menurut teori kognitif sosial memberi motivasi secara meluas dan dikawal oleh amalan pengaruh sendiri yang berterusan.

Bandura (1997) percaya bahawa seseorang yang memiliki pengetahuan dan kemahiran berupaya untuk melakukan tugas dalam keadaan tekanan dan tertekan. Namun demikian, tugas yang semakin mencabar memerlukan usaha yang semakin tinggi. Justeru, dalam mencapai matlamat yang sukar, kemungkinan untuk seseorang individu menemui kegagalan adalah lebih besar. Bagi mereka keadaan sukar

akan dijadikan pendorong untuknya meneruskan usaha memperbaiki diri. Kesukaran dalam pekerjaan dilihat sebagai cabaran dan bukan halangan baginya untuk berjaya. Kesukaran tersebut berpunca daripada sikap untuk bertindak berdasarkan kepuasan diri dalam mencapai sesuatu matlamat oleh individu yang mempunyai efikasi tinggi (Bandura, 1997).

Menurut Bandura (1977, 1982, 1986) ketiga-tiga komponen ini adalah saling berhubungan dan saling mempengaruhi. Faktor-faktor personaliti seperti emosi, keyakinan diri, pemikiran akan memberi kesan kepada penghasilan kemahiran-kemahiran dan amalan-amalan tingkah laku, juga berpunca dari kesan pengaruh persekitaran. Persekitaran dan juga aktiviti sosial saling mempengaruhi tingkah laku manusia melalui mekanisme-mekanisme psikologi diri.

## 1.2 Teori Efikasi Kendiri

### 1. *Efikasi Kendiri Guru dari Aspek Penglibatan Murid*

Aspek penglibatan murid tidak hanya mengukur keberkesanan sesi pengajaran, malah ia mengukur tahap EK guru (Tschannen-Moran *et al.*, 1998). Oleh itu, penglibatan murid digunakan untuk menggambarkan kesediaan murid untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rutin sekolah seperti menghadiri kelas, menyerahkan tugas-tugas sekolah dan mematuhi peraturan serta mendengar arahan guru (Chapman, 2003). Hal ini termasuklah menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah (Fletcher, 2005).

### 2. *Efikasi Kendiri Guru dari Aspek Strategi pengajaran*

Bagi mengukur tahap efikasi kendiri seseorang guru antara aspek yang penting ialah dalam strategi pengajaran (Tschannen-Moran *et al.*, 1998). Strategi pengajaran merupakan perancangan tindakan yang tersusun sebelum memulakan sesi pengajaran. Mak Moon Song (2009) menyatakan strategi pengajaran merangkumi perancangan terhadap peruntukkan masa bagi setiap langkah pengajaran dan penggunaan BBM mengikut keperluan bagi setiap kaedah dan langkah, seterusnya pemilihan kaedah dan teknik mengajar secara terancang dan objektif pelajaran. Selain itu, strategi pemusatan guru, pemusatan murid dan pemusatan bahan diklasifikasikan sebagai strategi pengajaran yang utama.

### 3. *Efikasi kendiri Guru dari Aspek Pengurusan Bilik Darjah*

Pengurusan bilik darjah merupakan aspek yang penting sebelum melaksanakan sesuatu pengajaran. Situasi atau keadaan bilik darjah sangat sukar untuk dikawal walaupun pelbagai latihan teknik dan teori telah dipelajari. Oleh itu, setiap guru perlu tahu cara menguruskan pergerakan murid di dalam bilik darjah, dan mengawal disiplin murid supaya pengajaran yang dirancang berjalan lancar dan murid dapat menerima pembelajaran secara efektif (Zalifah, 2014).

## 2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan reka bentuk kajian adalah tinjauan. Pemilihan reka bentuk kajian ini bertujuan dalam mengumpul data bagi mengenal pasti hubungan antara efikasi kendiri dengan kaedah pengajaran guru bahasa Arab.

Seramai 48 orang guru bahasa Arab yang mengajar di 11 buah sekolah bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor di daerah Hulu Langat telah dijadikan sampel dan lokasi kajian.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data yang sesuai. Efikasi kendiri guru bahasa Arab dalam kajian ini diukur menggunakan soal selidik daripada Zalifah (2014) yang telah diadaptasi daripada *Teachers Sense of Efficacy Scale* (TSES) oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk-Hoy (2001). Borang soal selidik mengandungi 18 item yang mengukur tahap efikasi kendiri guru berdasarkan tiga dimensi strategi pengajaran dan pembelajaran, keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan bilik darjah. Kajian ini meninjau aspek efikasi kendiri guru dalam pengajaran bahasa Arab melalui borang kaji selidik.

Soal selidik yang digunakan oleh penyelidik telah disemak dan disahkan oleh seorang pensyarah pakar dan dua orang guru pakar dalam bidang bahasa Arab untuk meningkatkan lagi tahap kesahan instrumen.

Kebolehpercayaan soal selidik dianalisis berdasarkan pekali "*Cronbach's alpha*". Bagi instrumen efikasi sendiri purata Min keseluruhan indeks kepercayaan *Alpha Cronbach* bagi instrumen dibentuk ialah 0.891.

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

#### 3.1 Tahap Efikasi Kendiri Guru Bahasa Arab

Analisis deskriptif melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan efikasi sendiri guru bahasa Arab. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 4.1 berikut.

Jadual 4.1 Tahap efikasi sendiri guru bahasa Arab

No	Tahap efikasi sendiri	Min	Sisihan piawai	Interpretasi skor min
1	Efikasi dalam penggunaan strategi pengajaran	4.12	0.40	Tinggi
2	Efikasi dalam pengurusan murid	4.23	0.39	Tinggi
3	Efikasi terhadap keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran	4.05	0.50	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		4.13	0.43	Tinggi

Jadual 4.1 menunjukkan analisis terperinci tahap efikasi sendiri guru bahasa Arab. Hasil analisis mendapati secara keseluruhannya, tahap efikasi sendiri guru bahasa Arab (min=4.13 dan sp=0.43) berada pada tahap tinggi. Hal ini bermakna tahap efikasi guru berada pada tahap yang baik. Daripada perincian mengikut setiap aspek pula efikasi dalam pengurusan murid (min=4.23 dan sp=0.39) berada pada tahap tertinggi dan efikasi terhadap keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran (min=4.05 dan sp=0.50) berada pada tahap rendah daripada ketiga-tiga efikasi sendiri guru.

#### 3.2 Tahap Efikasi Penggunaan Strategi Pengajaran

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan tahap efikasi sendiri guru dalam penggunaan strategi pengajaran. Hasil analisis deskriptif seperti Jadual 4.2

Jadual 4.2 Tahap efikasi dalam

No	Efikasi penggunaan strategi pengajaran	Min	Sisihan piawai	Interpretasi skor min
1	Saya menggunakan strategi penilaian yang pelbagai dengan kebolehan murid dalam pengajaran	4.06	0.48	Tinggi
2	Saya memberikan penjelasan dengan contoh-contoh apabila murid keliru	4.33	0.56	Tinggi
3	Saya mengajukan soalan yang berkualiti untuk murid	4.02	0.60	Tinggi
4	Saya melaksanakan strategi pengajaran alternatif dalam kelas	3.90	0.59	Tinggi
5	Saya mengubah suai pengajaran dengan tahap yang sesuai bagi setiap murid	4.27	0.57	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		4.23	0.39	Tinggi

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa setiap item efikasi sendiri dari aspek efikasi dalam penggunaan strategi pengajaran berada pada tahap tinggi. Min tertinggi di dalam jadual tersebut ialah (4.33 dan sp=0.56) iaitu pada item 2 yang mana responden yakin bahawa mereka akan memberikan penjelasan dengan contoh-contoh apabila murid keliru. Manakala nilai min paling rendah pula terdapat pada item 4 iaitu (3.90 dan sp=0.59) di mana responden kurang melaksanakan strategi pengajaran alternatif kepada murid. Walaupun nilai min menunjukkan rendah namun interpretasi skor berada pada tahap tinggi.

Daripada hasil kajian yang diperolehi, didapati bahawa min keseluruhan ialah (4.23 dan sp 0.39) menunjukkan tahap efikasi sendiri dari aspek penggunaan strategi pengajaran berada pada tahap tinggi.

#### 3.3 Tahap Efikasi dalam Pengurusan Murid

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan tahap efikasi sendiri guru dalam pengurusan murid. Hasil analisis deskriptif seperti Jadual 4.3

Jadual 4.3 Tahap efikasi dalam pengurusan murid

No	Efikasi dalam pengurusan murid	Min	Sisihan piawai	Interpretasi skor min
1	Saya mengawal tingkah laku murid bermasalah di dalam kelas	4.00	0.77	Tinggi
2	Saya memastikan murid mengikut peraturan kelas	4.29	0.54	Tinggi
3	Saya menenangkan murid yang mengganggu atau bising	4.46	0.50	Tinggi
4	Saya mewujudkan pengurusan kelas dengan murid-murid	4.19	0.61	Tinggi
5	Saya memastikan murid-murid yang bermasalah tingkah laku tidak mengganggu keseluruhan pengajaran	4.35	0.60	Tinggi
6	Saya memberi respons kepada murid-murid yang degil dan ingkar dengan arahan	4.10	0.63	Tinggi
7	Saya menggariskan rutin harian untuk memastikan aktiviti berjalan lancar seperti pelajar membaca doa dalam bahasa Arab sebelum PdP bermula	4.21	0.65	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		4.12	0.40	Tinggi

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa setiap item efikasi sendiri guru bahasa Arab dari aspek efikasi dalam pengurusan murid berada pada tahap tinggi. Item 7 mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu (4.21 dan  $sp=0.65$ ) di mana majoriti responden yakin akan menggariskan rutin harian untuk memastikan aktiviti berjalan lancar seperti pelajar membaca doa dalam bahasa Arab sebelum pengajaran dan pembelajaran (PdP) bermula. Manakala item 1 mempunyai nilai min yang paling rendah (4.0 dan  $sp=0.77$ ) yang mana responden kurang yakin dalam mengawal tingkah laku murid yang bermasalah di dalam kelas.

Daripada hasil kajian yang diperolehi, didapati bahawa min keseluruhan ialah (4.12 dan  $sp=0.40$ ) yang menunjukkan tahap efikasi sendiri dalam pengurusan murid berada pada tahap tinggi. Terdapat lima item yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan manakala dua item lagi mempunyai min yang kurang daripada min keseluruhan.

### 3.4 Tahap Efikasi terhadap Keterlibatan Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan tahap efikasi terhadap keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil analisis deskriptif seperti Jadual 4.4

Jadual 4.4 Tahap efikasi keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran

No	Efikasi keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran	Min	Sisihan piawai	Interpretasi skor min
1	Saya memotivasikan murid-murid yang kurang berminat dalam latihan-latihan pembelajaran	4.02	0.70	Tinggi
2	Saya bekerjasama dengan ibu bapa murid membantu kejayaan mereka dalam pembelajaran	3.96	0.77	Tinggi
3	Saya membantu pemahaman murid yang lemah dengan apa yang diajar	4.19	0.61	Tinggi
4	Saya membantu murid berfikir secara kritikal	3.94	0.78	Tinggi
5	Saya merangsang kreativiti murid ketika sesi PdP	4.02	0.64	Tinggi
6	Saya membantu murid-murid yang bermasalah	4.17	0.69	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		4.05	0.50	Tinggi

Jadual 4.4 menunjukkan efikasi sendiri guru bahasa Arab dari aspek keterlibatan murid pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi ialah saya membantu pemahaman murid yang lemah dengan apa yang diajar (min=4.19 dan  $sp=0.61$ ) berada pada tahap yang tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah saya membantu murid berfikir secara kritikal (min=3.94 dan  $sp=0.78$ ).

Daripada hasil kajian yang diperolehi, didapati bahawa min keseluruhan ialah (4.05 dan  $sp=0.50$ ) menunjukkan tahap efikasi sendiri dari aspek keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap tinggi. Terdapat dua item yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan manakala empat item lagi mempunyai min yang kurang daripada min keseluruhan.

#### 4.0 PERBINCANGAN

Kajian ini adalah berkaitan tahap efikasi sendiri guru bahasa Arab. Efikasi sendiri yang dikaji terdiri dari dimensi penggunaan strategi pengajaran, pengurusan kelas dan keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Keseluruhan, dapatan kajian menjelaskan bahawa efikasi sendiri guru bahasa Arab berada pada tahap tinggi. Keputusan ini adalah selari dengan dapatan kajian (Teng, 2006) yang melibatkan 420 orang guru daripada 18 buah sekolah menengah di bahagian Kuching dan Samarahan. Kajian (Teng, 2006) mendapati bahawa tahap efikasi sendiri guru adalah tinggi. Dapatan kajian ini turut disokong oleh dapatan kajian (Khalid, 2009), (Demir, 2008) dan (Ebmeier, 2003).

Dapatan ini juga, menyerupai kajian yang telah dijalankan sebelum ini oleh (Zalifah, 2014) yang menunjukkan tahap efikasi sendiri guru pelatih berada pada tahap tinggi. Dimensi efikasi paling tinggi juga dilihat dari aspek pengurusan murid berbanding yang lain. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh (Syed Kamarzuan *et. al.*, 2014) berkaitan efikasi sendiri guru pendidikan jasmani juga adalah tinggi tanpa mengira jantina. Kajian ini selari dengan dapatan kajian (Noornajihan, 2015) berkaitan efikasi sendiri guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan Malaysia.

Namun, dapatan kajian ini sedikit berbeza dengan kajian (Rahimah *et. al.*, 2014) yang mana dapatan menunjukkan efikasi sendiri guru dalam aspek pengurusan bilik darjah, penglibatan murid dan strategi pengajaran berada pada tahap sederhana. Walaubagaimanapun, nilai min pengurusan bilik darjah adalah lebih tinggi berbanding aspek penglibatan murid dan strategi pengajaran. Menurut kajian beliau hal ini mungkin disebabkan oleh faktor pengalaman mengajar. (Tschannen-Moran & Hoy, 2001; Wolters & Daugherty, 2007) pengalaman harian inilah yang menjadi sumber kepada efikasi sendiri guru dan seterusnya meningkatkan kepercayaan guru terhadap keupayaan dirinya dalam mengurus bilik darjah.

#### 5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN

Efikasi sendiri merupakan elemen yang penting dalam diri seseorang. Nilai efikasi sendiri tidak dapat dilihat dengan mata kasar, bahkan ia tersembunyi jauh dari pandangan manusia. Setiap orang mempunyai tahap efikasi tersendiri sama ada tinggi atau rendah. Tahap efikasi sendiri guru pula dipersembahkan sebelum, semasa dan selepas mereka mengajar. Oleh itu, guru hendaklah sentiasa berfikir positif untuk meningkatkan tahap efikasi yang tinggi terhadap kaedah pengajaran yang digunakan.

Kajian ini turut memberi implikasi kepada Jabatan Agama Islam Selangor agar menyediakan pelbagai kursus kaedah dan teknik pengajaran bahasa Arab untuk guru bagi meningkatkan prestasi kemajuan murid. Mereka perlu didedahkan dengan pelbagai teknik dan kaedah bagi menggalak dan merangsang murid agar proses pembelajaran bahasa Arab mudah dan seronok untuk dipelajari.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, dicadangkan agar kajian yang akan datang menggunakan bilangan sampel yang lebih ramai. Hal ini kerana masih terdapat 22 buah sekolah rendah agama di daerah Hulu Langat belum dijalankan. Selain itu, kajian ini juga boleh menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian untuk melihat sejauhmana tahap efikasi sendiri guru didalam kelas ketika sesi pengajaran berlangsung.

#### 6.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini penting mengenai efikasi sendiri guru dengan kaedah pengajaran bahasa Arab. Maklumat ini berguna kepada guru, Bahagian Pendidikan Islam dan seterusnya Jabatan Agama Islam Selangor. Walaupun kajian yang dijalankan menunjukkan tahap efikasi sendiri guru yang mengajar di 11 buah sekolah berada pada tahap tinggi. Oleh itu pihak Jabatan Agama Islam Selangor, perlu mengambil perhatian dan penekanan sewajarnya terhadap efikasi sendiri guru terutamanya guru yang mengajar bahasa Arab untuk meningkatkan tahap pengajaran yang lebih cemerlang seterusnya akan melahirkan pelajar yang cemerlang didunia dan akhirat.

## 7.0 RUJUKAN

- Abdul Salam Mohamed Ibrahim (2007). Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah: Persepsi Guru-guru Bahasa Arab di Melaka. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006). Memimpin Diri Sendiri. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Allen, B.A. (1997). Personality theories: Development, growth, and diversity. Boston: Allyn and Bacon.
- Ary, D., Jacobs, L.C., & Rozavieh, A. (2002). Introduction to Research (6th Ed.) Belmont, CA; Wadsworth.
- Bandura (1982). Self Efficacy Mechanism in Human Agency. *American Psychologist* 37: 122-147.
- Bandura, A. (1997). Self Efficacy: The Exercise of Control. New York: Freeman.
- Bandura, A. (1986). Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory. New Jersey: Prentice Hall, INC. Englewood Cliffs.
- Chapman, E. (2003). Alternative Approaches to Assessing Student Engagement Rates. *Practical Assessment, Research and Evaluation* 13 (8): 22-28.
- Creswell, J. W. (2012). Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (3rd Ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Dacey, J. & Kenny, M. (1997). Adolescent development USA: Brown & Benchmark Publisher.
- Demir, K. (2008). Transformational leadership and collective efficacy: the moderating roles of collaborative culture and teacher' self-efficacy. *Egitim Arastirmalari- Eurasian Journal of Educational Research*, 33, 93-112.
- Ebmeier, H. (2003). How supervision influences teacher efficacy and commitment: an investigation of a path model. *Journal of Curriculum and Supervision*, 18(2), 110- 141.
- Fletcher, A. 2005. Meaningful Student Involvement: Guide to Student as Partners in School Change. Olympia, WAC: Common Action.
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan dalam kalangan guru sekolah: satu penilaian. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Khalid Johari (2009). Perkembangan Efikasi Guru Sekolah Menengah Di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan* 20, 34-45.
- Khoo, A., & Stuart, T. (2004). Master your mind, design your destiny. Singapore: Adam Khoo Learning Publisher.
- Larson, L.M., Suzuki, L.A., Gillespie, K.N., Potenza, M.T., Bechtel, M.A. & Toulouse, A.L. (1992). Development and Validation of the Counseling Self Estimate Inventory. *Journal of Counseling Psychology* 39: 105-120.
- Mohd Majid Konting (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mok Soon Sang. (2002). Pedagogi: Pelaksanaan Pengajaran. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nor Mazidah Mahmood (2012). Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Noornajihan Jaafar (2014). Pengaruh Efikasi Kendiri Dan Faktor Persekitaran Terhadap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noornajihan Jaafar (2015). Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Malaysia. *Ulum Islamiyyah Journal*. 1-21.
- Norani Idris (2013). Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Education.
- Noor Shamshinar Zakaria, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Kamal Din (2014). Kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian terhadap Guru Pelatih Diploma Perguruan Pendidikan Islam di Kuis. *Jurnal Pendidikan Bil* 1 (2).
- Rahimah Jamaluddin, Rosini Abu, Abdullah Mat Rashid, Habsah Ismail (2014). Tahap Efikasi Kendiri Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Kekeluargaan. UTM Press.
- Rosnarizah Abdul Halim (2015). Kepemimpinan Distributif, Faktor Kontekstual dan Efikasi Kendiri Guru di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Syed Kamarzuan Syed Al, Mohd Zaki Che Hassan, Julismah Jani (2014). Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik Bil*. 2 Isu 3.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W. & Hoy, W. K. (1998). Teacher efficacy: its meaning and measure. *Review of Educational Research* 68 (2): 202-248.

- Yusof Boon, Tumirah Jeman (2011). Pelaksanaan Program Induksi Guru Permulaan di Sekolah Kebangsaan Zon Skudai. *Jurnal of Educational Management* 3: 70-88.
- Zalifah Sidek (2014). Tahap Efikasi Kendiri dalam Pengurusan Bilik Darjah dalam Kalangan Guru-guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) Zon Selatan. Tesis Master. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.